LAPORAN DATA SISA PEPEJAL DAN KITAR SEMULA TAHUN 2025

Perkara 1: Laporan Data Pengeluaran Sisa Pepejal di UTeM: Tahun 2025

a. **Kaedah Pengumpulan Data**

Pengumpulan data sisa pepejal bagi tahun 2025 adalah berdasarkan resit pelupusan di tapak pelupusan yang diberikan oleh kontraktor pembersihan yang menjalankan kerja-kerja pembersihan di sekitar kampus UTeM.

b. **Maklumat Resit Pelupusan**


Resit pelupusan yang diberikan oleh pihak kontraktor mencatatkan tarikh pengumpulan sisa pepejal dan penghantaran terus ke Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Sungai Udang.

c. **Kekerapan dan Audit Data**

Sepanjang tahun 2025, kekerapan pembuangan sisa pepejal ke tapak pelupusan adalah antara 19 hingga 22 kali sebulan. Data ini telah diaudit oleh Pusat Alam Sekitar Pintar, UTeM bagi mendapatkan jumlah berat sisa pepejal secara bulanan dan kumulatif seperti Jadual 1 dan Rajah 1.

Jadual 1: Data bulanan pengeluaran sisa pepejal UTeM ke tapak pelupusan pada tahun 2025

Bil.	Bulan	Berat (MT)	Kumulatif (MT)
1	Januari	34.80	34.80
2	Februari	31.20	66.00
3	Mac	37.60	103.60
4	April	32.50	136.10
5	Mei	29.80	165.90
6	Jun	21.00	186.90
7	Julai	19.50	206.40
8	Ogos	30.40	236.80
9	September	32.20	269.00
10	Oktober	38.19	307.19
11	November	34.72	341.91
12	Disember	37.00	378.91
JUMLAH KESELURUHAN		**378.91 MT**	



Rajah 1: Data bulanan pengeluaran sisa pepejal UTeM ke tapak pelupusan pada tahun 2025

LAPORAN DATA SISA PEPEJAL DAN KITAR SEMULA TAHUN 2025

Perkara 2: Laporan Data Pengumpulan Sisa Kitar Semula di UTeM: Tahun 2025

d. **Kaedah Pengumpulan Data**

Pengumpulan data sisa kitar semula bagi tahun 2025 dilaksanakan melalui pelbagai program berkaitan kitar semula yang dijalankan sepanjang tahun serta melalui tiga (3) lokasi tetap Pusat Kitar Semula di UTeM, iaitu: Masjid Sayyidina Abu Bakar UTeM, Kolej Kediaman Satria Tuah dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Industri dan Pembuatan (FTKIP). Selain itu, pengumpulan sisa kitar semula turut melibatkan stor yang dikawal selia oleh Pusat Alam Sekitar Pintar (Stor Pusat CENSEi).

e. **Kekerapan dan Audit Data**


Data sisa kitar semula diaudit secara bulanan, khususnya bagi data yang diperoleh daripada tiga lokasi tetap Pusat Kitar Semula di seluruh kampus UTeM. Sementara itu, data yang diperoleh melalui pelaksanaan program dinilai berdasarkan tempoh pelaksanaannya, seperti: Program TrashToCash (Februari), Program Go Green Challenge sempena Kejohanan Sukan Antara Fakulti Ke-19 SAF-19 (November), Program UTeM Clean Up Day (Ogos) dan Program Larian Lestari KITARecycle (November).

f. **Pengasingan dan Jenis Sisa Kitar Semula**

Data sisa kitar semula diaudit mengikut kategori jenis sisa, iaitu: Fabrik, e-Waste, Minyak Masak Terpakai (WCO), Kertas, Plastik dan Lain-lain. Jumlah keseluruhan sisa kitar semula yang dikumpul serta peratusan mengikut lokasi/program ditunjukkan dalam Jadual 2 dan Rajah 2.

Jadual 2: Jumlah pungutan kitar semula mengikut lokasi/program pada tahun 2025

Lokasi / Program	Jumlah (tonne)	Peratusan (%)
Kolej Kediaman Satria Tuah	1.27	6.59%
FTKIP	0.02	0.10%
Stor Pusat CENSEi & Unit Rekod Bendahari	10.34	53.66%
Program-program UTeM	6.62	34.35%
Masjid Sayyidina Abu Bakar UTeM	1.02	5.29%
JUMLAH KESELURUHAN	**19.27 tonne (100%)**	



Rajah 2: Jumlah pungutan kitar semula mengikut peratusan jenis keseluruhan pada tahun 2025